



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

PEKELILING MAJIKAN BIL. 4 TAHUN 2020

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017


**PELANJUTAN TARIKH AKHIR PEMBAYARAN CARUMAN BULANAN DARIPADA
HARI KELIMA BELAS KEPADA HARI TERAKHIR BULAN YANG BERKENAAN
DENGANNYA CARUMAN ITU KENA DIBAYAR DAN PENGECUALIAN FAEDAH
CARUMAN LEWAT BAYAR**

-
1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pindaan berkenaan pelanjutan tarikh akhir pembayaran caruman bulanan daripada hari kelima belas kepada hari terakhir bulan yang berkenaan dengannya caruman itu kena dibayar dan pengecualian Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB).
 2. Pelanjutan tarikh akhir pembayaran caruman ini adalah selama tempoh enam (6) bulan bermula dari caruman bulan April 2020 (potongan gaji bulan April 2020) hingga September 2020 (potongan gaji bulan September 2020).
 3. Pelaksanaan ini melibatkan caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang telah diwartakan melalui Warta Kerajaan bertarikh 6hb April 2020 seperti berikut:-
 - (i) Warta Kerajaan P.U. (A) 114.
Peraturan-Peraturan Sistem Insurans Pekerjaan (Peraturan-Peraturan Sistem Insurans Pekerjaan (Pendaftaran dan Caruman) 2017) (Pengubahsuaian Sementara) 2020; dan

- (ii) Warta Kerajaan P.U. (A) 115.
Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971) (Pengubahsuaian Sementara) 2020.
4. Pewartaan ini melibatkan bulan carum dan tarikh akhir pembayaran caruman bagi Akta 4 dan 800 sebagaimana berikut:-
- i) Caruman April 2020 - Tarikh akhir pembayaran 31 Mei 2020
 - ii) Caruman Mei 2020 - Tarikh akhir pembayaran 30 Jun 2020
 - iii) Caruman Jun 2020 - Tarikh akhir pembayaran 31 Julai 2020
 - iv) Caruman Julai 2020 - Tarikh akhir pembayaran 31 Ogos 2020
 - v) Caruman Ogos 2020 - Tarikh akhir pembayaran 30 September 2020
 - vi) Caruman September 2020 - Tarikh akhir pembayaran 31 Oktober 2020
5. Pembayaran caruman bagi tempoh dan dalam tarikh yang dinyatakan di para 4 akan **DIKECUALIKAN** daripada Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB).
6. Apa-apa kemusykilan berhubung dengan Pekeliling ini hendaklah dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh :  April 2020

“SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA”